

Bahasa Latin merupakan bahasa yang pernah hidup sekitar 2000 tahun. Banyak perbendaharaan kata sehari-hari dalam bahasa Perancis dan Inggeris dipinjam daripada bahasa Latin. Terdapat banyak istilah teknikal dalam bidang sains, perundangan, falsafah bahasa Inggeris dipinjam daripada bahasa Latin. Bahasa ini wujud di Semenanjung Itali sekitar abad ke-8 sebelum Masihi. Ia merupakan rumpun keluarga Indo-Eropah daripada cabang Italik dan mempunyai perkaitan dengan bahasa Greek. Bahasa Latin banyak dipengaruhi oleh bahasa Greek dan Italik. Bahasa ini asalnya dituturkan di kota Rom di Latium. Terdapat pengembangan bahasa yang sejajar dengan pengembangan pengaruh dan kuasa di kawasan lain di bahagian Mediterranean. Di sinilah pemerintah Rom mewujudkan *colonia*. Setiap *colonia* menjadikan bahasa Latin pertuturan mereka. Semua koloni disatukan oleh bahasa, budaya, adat-istiadat dan undang-undang Rom. Apabila berlaku penaklukan dan perluasan kuasa, bahasa Latin menjadi bahasa rasmi semua kerajaan yang dikuasai.

Bahasa Latin


Kegemilangan dan Kepupusan

Bahasa Latin dapat dibahagikan kepada dua kategori. Bagi kategori pertama, iaitu golongan berpendidikan dan mempunyai darjat tinggi, mereka bertutur dalam bahasa tinggi yang dikenali sebagai *sermo cotidianus*. Bahasa ini juga dapat dilihat dalam surat-menyurat, kesusasteraan dan drama. Bahasa Latin rendah atau kasar pula digunakan oleh golongan kelas rendah dan tidak berpendidikan. Bahasa ini juga dikenali sebagai bahasa *vulgar*.

Kesemua simbol utama didominasi oleh simbol kerajaan Rom. Di sinilah bahasa Latin mengambil tempat dan kedudukan.

Tidak ada peraturan khusus untuk menguasai bahasa Latin dalam kalangan negara yang dikuasai. Akan tetapi bahasa seperti Celti, Syria, Greek (Yunani) dikekalkan. Bagi orang Romawi sendiri, budaya Yunani dianggap sebagai budaya tinggi dan sebagai prasyarat pendidikan sebenar. Penguasaan Greek wilayah timur begitu besar. Namun, pemikir bahasa Latin pintar dalam menyesuaikan bahasa Yunani ke bahasa Latin sehingga tidak terasa banyak pengaruh bahasa tersebut terhadap bahasa Latin dan bahasa tersebut kekal sebagai bahasa budaya peradaban Rom dan berfungsi menjadi bahasa rasmi sehingga pemerintahan Justine pada abad ke -6.

Bahasa Latin dapat dibahagikan kepada dua kategori. Bagi kategori pertama, iaitu golongan berpendidikan dan mempunyai darjat tinggi, mereka bertutur dalam bahasa tinggi yang dikenali sebagai *sermo cotidianus*. Bahasa ini juga dapat dilihat dalam surat-menyurat, kesusasteraan dan drama. Bahasa Latin rendah atau kasar pula digunakan oleh golongan kelas rendah dan tidak berpendidikan. Bahasa ini juga dikenali sebagai bahasa *vulgar*. Dalam konteks sejarah perkembangan bahasa, ia mempunyai beberapa era, iaitu era awal, klasik dan kegemilangan, sebelum ke Era Perak yang menunjukkan kemerosotan kualiti tulisan Latin secara keseluruhan. Bahasa ini muncul dengan legenda Romawi yang membawa kepada pengasasan Kerajaan Romawi yang turut mengembangkan budaya bahasa tersebut.



Legenda Rom

Kerajaan Rom tidak dapat dipisahkan daripada unsur legenda dan mitos. Menurut mitologi Romawi, Romulus dan Remus merupakan pengasas kota Rom. Perkataan Rom itu sendiri berasal daripada nama Romulus. Menurut kepercayaan masyarakat Rom, kedua-dua mereka ini adalah kembar yang lahir dari dewa perang, Mars yang menodai Perawan Vestal, bernama Rhea Silvia. Kembar yang dilahirkan, dimasukkan ke dalam bakul dan terus dibuang ke Sungai Tiber dan ditemui oleh serigala betina. Seterusnya, ditemui oleh Faustulus, seorang gembala yang mengambil keputusan membesarkan mereka. Apabila besar, mereka berjaya menjatuhkan kerajaan sebuah kota di Alba Longa, Itali. Di sinilah mereka mendirikan kota Rom. Di bawah penguasaan Romulus, kerajaan Rom menjadi kuasa empayar besar hingga berkuasa di seluruh Itali.

Empayar Rom mencapai tahap yang luar biasa apabila pada

kemuncak kegemilangannya pada abad ke-2, jumlah penduduk mencecah sekitar 60 juta atau kira-kira 20 kali jumlah penduduk negara United Kingdom. Penguasaan sepenuhnya sekitar Mediterranean, meliputi wilayah dari utara England, Syria, dari Sungai besar Rhine, selatan Eropah, Laut Hitam, Afrika Utara dan lembah subur Nil di Mesir.

Pengembangan Bahasa Latin

Pada asalnya, bahasa Latin dituturkan di sekitar wilayah Rom. Ia dikenali sebagai bahasa *Latium*. Kebanyakan bahasa Roman berasal daripada bahasa Latin termasuk bahasa Inggeris dan Perancis. Dalam sejarah dunia barat, bahasa ini pernah menjadi bahasa ilmu, sains dan teknologi. Bahasa ini juga dijadikan *lingua franca* dalam bidang pentadbiran negara, ekonomi dan hubungan diplomatik. Bagaimanapun, bahasa Latin hilang pengaruh apabila diambil alih kedudukannya oleh bahasa Perancis pada abad ke-18, seterusnya oleh penguasaan

bahasa Inggeris sebagai bahasa empayar pada akhir abad ke-19.

Bahasa Latin masih lagi digunakan sebagai bahasa rasmi oleh Gereja Roman Katolik hingga ke hari ini. Di Vatican, bahasa Latin menjadi bahasa rasmi. Penggunaan bahasa Latin sebagai bahasa *liturgical*, iaitu bahasa yang digunakan dalam upacara keagamaan rasmi di hadapan khalayak awam dikekalkan di gereja sehinggalah pada tahun 1960-an.

Empayar Rom telah menyebabkan bahasa Latin diperluaskan ke Britain dan wilayah Eropah yang mempengaruhi bahasa Celtic dan Germanik. Pengaruh Peradaban Romawi bukan sahaja dari segi pemodenan penempatan dan perhubungan jalan, malah pengaruh ini berlanjutan hingga dalam zaman pertengahan dan pembaharuan melalui gerakan gereja Katolik dan pembangunan intelektual dalam bidang kemanusiaan dan ilmu pengetahuan. Perkataan seperti *wall, kitchen, wine, mile, street* merupakan antara kata pinjaman dari bahasa Latin.

Pada awalnya, bahasa Latin dituturkan oleh sebilangan kecil masyarakat kerajaan Rom. Sekitar lima ratus tahun sebelum kedatangan agama Kristian, terdapat kerajaan-kerajaan kecil di utara Semenanjung Itali. Di situlah kelompok Etruscan, iaitu kelompok awal prasejarah tinggal yang kemudiannya mengembangkan kerajaan Rom melalui politik, ekonomi dan sistem tulisan. Mereka mempunyai bahasa mereka sendiri dan meminjam tradisi penulisan dari Greek. Di sinilah dapat dilihat bahawa Romawi meniru tradisi di utara, mengadaptasi amalan agama dan upacara, teater dan sebagainya.

Proses mengenal pasti kemajuan dan tamadun dapat dilihat daripada asal usul kata atau etimologi. Perkataan pertanian dalam bahasa Latin ialah 'agricultura'. 'Ager' bermaksud 'bidang' manakala 'cultura' asalnya bermakna 'penanaman tanaman' namun, secara beransur-ansur mengalami pengembangan maksud 'pertumbuhan rohani atau budaya' (Tore Janson et al, 2005).

Istilah '*persona*' yang berasal dari bahasa Latin sebenarnya merupakan kata pinjaman daripada Etruscan. Dalam bahasa Latin ia bermakna 'topeng teater' yang digunakan oleh peran dalam persembahan. Apabila dipindah ke bahasa Inggeris, perkataan itu menjadi '*person*'. Namun, bahasa Latin cepat membentuk jati diri dan memancarkan tamadun mereka.

Proses mengenal pasti kemajuan dan tamadun dapat dilihat daripada asal usul kata atau etimologi. Perkataan pertanian dalam bahasa Latin ialah '*agricultura*'. '*Ager*' bermaksud 'bidang' manakala '*cultura*' asalnya bermakna 'penanaman tanaman' namun, secara beransur-ansur kata tersebut mengalami pengembangan maksud 'pertumbuhan rohani atau budaya' (Tore Janson et al, 2005). Bukti ini menunjukkan bahawa pembinaan tamadun mereka sudah lama bermula.

Falsafah

Sebenarnya falsafah Romawi secara keseluruhannya berasaskan tradisi falsafah Greek yang banyak merungkaikan aspek-aspek kehidupan di dunia, membina

dan menginterpretasi nilai-nilai dalam sistem kehidupan ini. Jadi tamadun Romawi tidak banyak memperkenalkan idea-idea baharu dalam falsafah. Akan tetapi merekah yang memindahkan pemikiran yang dipancarkan tradisi Greek ke bahasa Latin melalui proses pengubahsuaian.

Walaupun begitu, ahli falsafah Romawi menjadi sangat penting kerana mereka merupakan wahana intipati falsafah Greek. Aspek ini dilakukan dengan penulisan dalam bahasa Latin. Justeru, sesiapa yang boleh membaca bahasa Latin, maka mereka akan dapat mempelajari falsafah Greek. Peranan Romawi adalah penyambung wacana ilmu yang tidak dikembangkan oleh tradisi Greek. Di sinilah bahasa Latin berperanan yang sangat dalam bidang falsafah.

Masyarakat Romawi ialah masyarakat pencipta istilah falsafah. Istilah-istilah yang dicipta ini pula digunakan oleh para pemikir seperti Augustine hinggalah ke Descartes dan Spinoza pada abad ke-17. Malah istilah keagamaan bagi agama Kristian diungkap dalam bahasa Latin, sehingga setiap paderi besar berkemampuan menggunakan bahasa Latin sebagai bahasa penyampai agama Kristian. Antara yang terkenal dalam bidang

falsafah ialah Lucretius yang menulis buku *De rerum natura* (*On the nature thing*, (Tore Janson et al, 2005). Beliau banyak memindahkan istilah-istilah dalam bahasa Greek ke bahasa Latin. Karya ini menjadi rujukan pelbagai bahasa dunia.

Apabila ahli pembedahan dan politik yang hebat, iaitu Marcus Tullius Cicero menulis beberapa karya falsafah, beliau tidak mendakwa membawa idea-idea asli, sebaliknya menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab beliau untuk menyampaikan pemikiran Greek dalam bahasa Latin dengan bentuk penggunaan bahasa yang sesuai. Isu-isu seperti kematian, tugas dan tanggungjawab, kejahatan, persahabatan hingga ke kehidupan dunia tua diungkapkan dalam dialog fiksi yang pernah diungkapkan dalam pemikiran Greek (Tore Janson et al. 2005). Proses menyesuaikan ilmu luar dengan kearifan pemikiran tempatan menjadi faktor yang meningkatkan kedudukan bahasa Latin sebagai bahasa pengungkap ilmu pengetahuan tinggi dan bersifat intelektual.

Teknologi

Tamadun Romawi mempunyai kepakaran khusus dalam teknologi sistem pemasangan paip sebagaimana dirakamkan oleh Frontinus dalam bentuk bercetak dan dibuktikan dengan pembinaan pembetungan air dan sistem saliran paip yang panjang pada zaman tersebut. Kemahiran melakukan survei terhadap tanah dikuasai oleh golongan petani, tentera dan jurubina bangunan. Dalam konteks ini, orang Romawi lebih bersifat praktis berbanding Greek yang menggunakan geometri sebagai sumber matematik untuk

Orang Romawi lebih bersifat praktis berbanding dengan Greek yang menggunakan geometri sebagai sumber daripada matematik untuk melakukan survei tanah. Sifat praktikal dalam menyelesaikan permasalahan seumpama ini menarik perhatian orang Yunani.

melakukan survei tanah. Sifat praktikal dalam menyelesaikan masalah seumpama ini menarik perhatian orang Yunani. Selain itu, kata-kata "semua jalan menuju ke Rom" yang bermaksud bukan sahaja sistem jalan di Rom" yang efisien tetapi menunjukkan Rom merupakan pusat dunia yang penting.


Aspek praktis ini turut dijalankan dalam konteks pemindahan ilmu pengetahuan. Dalam kebanyakan aspek, mereka menterjemahkan ilmu Yunani ke bahasa Latin. Dalam bidang perubatan, Greek terkenal dengan tradisi ilmu tersebut sejak zaman Hippocrates lagi. Orang Romawi pula menulis beberapa buah buku, termasuklah tulisan Celsus yang kebanyakannya bersumberkan model tradisi perubatan Greek. Buku-buku dalam bidang veterinar, farmasi dan

pembedahan, bersumberkan tradisi perubatan Greek. Nama seperti Pliny amat terkenal dalam bidang terjemahan istilah botani, zoologi, anatomi, mineralogi ke bahasa Latin. Pegawai pemerintah tentera Rom ini juga mengumpulkan bahan-bahan sehingga terbentuklah ensiklopedia *Naturalis Historia* yang terkenal. Karyanya menjadi rujukan ramai dan namanya terkenal sehingga abad ke-18.

Undang-undang

Dalam bidang undang-undang, hingga ke hari ini, tradisi merujuk bahan bersumberkan bahasa Latin masih lagi berlaku. Hal ini kerana bahasa Latin banyak mengungkapkan ilmu dalam bidang undang-undang. Malah, di Eropah, terdapat negara yang mewajibkan pelajarannya mengambil bahasa Latin dalam pengajian bidang undang-undang. Karya yang didokumentasi dalam bahasa Latin seperti *Corpus Iuris* merupakan teks undang-undang yang penting di Byzantium.

Apabila kerajaan Rom jatuh, bidang pentadbiran dan sains perundangan mulai pudar di Eropah. Pada abad ke-7, legasi sistem pendidikan dalam bidang undang-undang yang diasaskan di Bologna dan merupakan universiti pertama di Eropah berterusan. Kesemua ilmu perundangan ini berasaskan undang-undang Romawi dan diguna pakai oleh hampir seluruh negara di Eropah. Justeru, bahasa Latin terus digunakan dalam bidang perundangan sehingga akhir abad ke-19. Asas sistem pentadbiran dan perundangan Romawi yang pernah berkuasa selama 2000 tahun masih terus dirujuk untuk memahami sistem perundangan tamadun Rom.



Bahasa Latin yang Dicemburui

Ketika penggunaan bahasa Latin dalam bidang perubatan, sains dan teknologi meluas semasa dalam Inggeris, timbul kritikan terhadap penggunaan Latin dalam bidang perubatan. Thomas Phaire misalnya, mengkritik penggunaan bahasa Latin yang berleluasa dalam bidang tersebut. Namun, penggunaan bahasa Latin dalam bidang perubatan masih berleluasa dan diterima pakai sehingga kini.

Terdapat kritikan pejuang bahasa Inggeris terhadap penggunaan bahasa Latin yang berleluasa. Antaranya ialah Richard Mulcaster, ahli leksikografi yang terawal. Seawal tahun 1582 beliau mempertikaikan sebarang bentuk penulisan dalam bahasa Latin. Beliau menyarankan agar

tradisi bidang ilmu perlu ditulis dalam bahasa Inggeris. Bahasa tersebut perlu diberikan peluang untuk menjadi bahasa ilmu dalam segenap bidang. Namun, sehingga tahun 1700, barulah tradisi penulisan akademik dalam bahasa Latin akhirnya terkubur.

Semasa kemuncak kekuasaan empayar Romawi, hampir setiap kota dan kerajaan di bawah bidang kuasa Rom boleh berkomunikasi dalam bahasa Latin. Para pengembara yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat tidak berasa asing. Namun, apabila jatuhnya empayar tersebut, penggunaan bahasa yang sama mulai pudar dan penulisan buku tidak lagi berpengaruh kerana tidak ada yang mahu mempelajari bahasa Latin dan sejak itu bahasa Latin mulai merosot.

Pada abad ke-11, di Perancis misalnya, sudah bermula

Semasa kemuncak kekuasaan empayar Romawi, hampir setiap kota dan kerajaan di bawah bidang kuasa Rom boleh berkomunikasi dalam bahasa Latin.

penulisan berdasarkan bahasa yang dituturkan ketika itu. Pada abad itulah berkembangnya sistem tulisan dan bahasa Perancis. Di Sepanyol juga berlaku kecenderungan yang sama walaupun agak lewat sedikit, iaitu pada abad ke-13. Kesemua negara dalam empayar beransur-ansur membebaskan diri dan mula membentuk sistem tulisan dan bahasa mereka sendiri. Namun, semua ini berlaku secara perlahan-lahan dan mengambil masa ratusan tahun.

Institusi mahkamah dan kerajaan mengekalkan penggunaan bahasa Latin selama beberapa tahun. Malah, gereja menggunakan bahasa Latin lebih lama. Begitu juga pendidikan tinggi dan segala bentuk ilmu yang masih menggunakan bahasa Latin untuk sekian lama. Namun, apabila bahasa pertuturan harian dan bahasa ilmu pengetahuan mulai berubah ke bahasa baharu seperti Perancis, Inggeris dan Sepanyol, ketika itulah kedudukan bahasa Latin tergugat. Lama kelamaan bahasa tersebut semakin tidak digunakan lagi kecuali dalam beberapa aspek tertentu seperti dalam bidang agama dan perundangan. Selebihnya, perbendaharaan kata bahasa tersebut banyak dipinjam oleh bahasa-bahasa dunia yang lain seperti Inggeris dan Perancis. **DB**